

CNS9453

R GB 16-08 00165 BA469

aab

Mahathir - Perubatan

PETALING JAYA, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya diambil tindakan awal bagi menghadapi banyak masalah yang bakal timbul seperti yang dihadapi oleh negara-negara maju, menjelang tahun 2020.

Katanya, banyak daripada masalah negara maju akan menimpa Malaysia jika negara tidak mengambil tindakan awal bagi mencegah serangan daripada masalah berkenaan menjelang tahun tersebut, apabila negara mencapai taraf negara maju.

Pada hitung panjang, adalah lebih wajar sekiranya aspek-aspek peningkatan dan pencegahan diimbang dengan aspek-aspek perawatan dan pemulihan, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-18 Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia di sini.

+ Dalam masa yang sama kita perlu peka dan cekap meramal situasi yang mungkin timbul menjelang tahun 2020 supaya perancangan dan tindakan awal dapat dilakukan untuk mengawal keadaan secara proactive. +

Menurutnya, perancangan perlu dibuat untuk memperkukuhkan perkhidmatan geriatrik di negara ini memandangkan kemajuan dalam bidang kesihatan akan meningkatkan lagi jangka hayat. -- Lagi

♥16/08/15-03MST

CNS9457

R GB 16-08 00188 BA470

aab

Mahathir - Perubatan 2 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat harus mengekalkan sistem-sistem seperti kekeluargaan dan pegangan kepada nilai-nilai seperti yang menolak penyalahgunaan dadah, kehancuran institusi nikah-kahwin, tabiat minum arak dan merokok.

Katanya, kerajaan telah melancarkan kempen penggalakan cara hidup yang sihat, bertujuan menasihati rakyat supaya mengamalkan aktiviti-aktiviti yang baik dan menjauhi tabiat yang akan memburukkan kesihatan.

Menurutnya, melalui kempen ini, negara akan dapat mengurangkan risiko dan kejadian masalah kesihatan seperti sakit jantung; penyakit sindrom kurang daya tahan badan atau AIDS, keracunan makanan dan penyakit-penyakit yang boleh dikurangkan melalui pelalian.

Katanya, perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini, baik dalam sektor awam atau swasta akan terus dirancang selaras dengan dasar-dasar sosio-ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, perancangan Malaysia perlu fleksibel supaya dapat disesuaikan dengan keadaan dan masalah yang berubah-ubah, katanya.

Beliau berkata, bagi menghasilkan perancangan dan program yang baik, negara perlu bersikap inovatif dan sentiasa mencari cara-cara baru dalam memajukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang menyebabkan meningkatnya kos perubatan dan berharap para doktor tidak menganggap ubat yang paling mahal sebagai yang terbaik. -- Lagi

♥16/08/15-06MST

CNS9458

R GB 16-08 00178 BA471

aab

Mahathir - Perubatan 3 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan perkembangan kemudahan Rawatan Utama di samping mempertingkatkan bidang-bidang pengkhususan dalam perubatan.

Beliau berkata melalui kemudahan itu, penjagaan kesihatan yang lebih menyeluruh akan dapat diberikan kepada semua golongan termasuk golongan bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa, ibu, dan jua usia, gangguan mental dan cacat.

+Kemudahan Rawatan Utama juga akan menitikberatkan aspek-aspek perubatan secara bersepadu yang merangkumi individu dan keluarga, penirigkatan kesihatan dan juga pencegahan penyakit, +katanya lagi.

Menurutnya, beliau merasa bangga terhadap usaha-usaha untuk memperbaiki perkhidmatan itu dengan mengadakan kursus "Sarjana Perubatan Keluarga+.

Beliau berharap lulusan kursus itu akan rmpertingkatkan lagi mutu perawatan utama di kawasan bandar, luar bandar dan di kalangan kliniki-klinik swasta.

Menurutnya, beliau percaya kursus-kursus seperti itu juga akan mewujudkan doktor-doktor yang lebih cekap dalam bidang penjagaan pesakit dan juga akan menggabungkan peningkatan klinikal dengan pengurusan.

+Ini adalah penting untuk membolehkan pengurusan sumber yang berkesan supaya dapat menjimatkan kos perawatan disamping menjamin mutu perkhidmatan kepada pesakit, +katanya. -- Bernama

♥16/08/15-08MST